

16/03/1998

PM arah JPA teliti bayaran pinjaman

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji cara membolehkan pelajar tajaannya di luar negara membayar semula pinjaman yang berganda akibat kejatuhan ringgit.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata Perdana Menteri mengarahkan JPA mengkaji kesan gandaan pinjaman yang membebaskan pelajar tajaan ke luar negara membayar balik pinjaman dan cara mengatasinya.

Menurutnya, pelajar tajaan JPA dan Mara sepatutnya membayar pinjaman itu mengikut perjanjian asal tetapi jumlah pinjaman berganda akibat kejatuhan ringgit seperti jumlah RM70,000 setahun menjadi kira-kira RM200,000 setahun.

Kira-kira 8,400 pelajar tajaan JPA dan Mara di luar negara, kebanyakannya menuntut di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Pelajar tajaan JPA dan Mara dijangka terpaksa membayar pinjaman yang berganda berikutan kejatuhan ringgit lebih 30 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat dan paun sterling.

"JPA dan Mara sedar yang pinjaman RM70,000 setahun mengikut perjanjian, tetapi masalah mata wang menyebabkan ia berganda sehingga 200,000 setahun.

"Berapa tahun mereka baru dapat membayar semula pinjaman itu?" katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas ucap tama dan merasmikan Perkampungan Menara Gading '98 anjuran Kumpulan Fasilitator Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia dengan kerjasama Biro Tata Negara di kampus induk UIA dekat sini, hari ini.

Fauzi berkata, JPA sedang menjalankan kajian untuk memberi kemudahan kepada pelajar tajaan di luar negara membayar balik pinjaman berganda itu, tetapi belum menemui jalan penyelesaiannya.

(END)